

| | | | |
|-------------|------------------------------|------------|--------------|
| Headline | Sapura, THT buat perhitungan | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 24 Sep 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Sukan | Page No | 50 |
| ArticleSize | 343 cm ² | Journalist | Mohd Khairie |
| PR Value | RM 35,334 | | |



Sapura, THT buat perhitungan

➔ Aksi final
Piala TNB
bakal
diadakan esok

Oleh Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pasukan Sapura melangkah ke final Piala TNB 2016 selepas menewaskan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) menerusi penentuan penalti semalam, selepas keduanya terikat dengan agregat 4-4 di penghujung saingan.

Dalam aksi final esok, pasukan ini akan membuat perhitungan dengan Pasukan Hoki Terengganu (THT) yang mara selepas menundukkan pasukan Maybank dengan agregat 14-5. Malam tadi, mereka menewaskan lawannya itu 8-4.

Pada aksi kedua di Stadium Hoki Kuala Lumpur itu, KLHC

mengejutkan Sapura 3-1. Dalam perlawanan pertama sebelum ini, pasukan bimbingan Yahya Atan itu turut mencatatkan kemenangan dengan keputusan serupa.

Membuka jaringan

Dalam aksi mendebarkan itu, KLHC terlebih dulu membuka jaringan pada minit ke-10 menerusi gol padang oleh Ali Shan, sebelum ia pantas disamakan oleh Mohd Khairul Ikhwan menerusi gol padang pada tidak lama selepas itu.

KLHC yang dibimbing oleh Muhammad Harun Al-Rashid Samri terus melebarkan penguasaan apabila tonggak import mereka, Hyunwoo Nam menghasilkan dua gol masing-masing pada minit ke-15 dan 34.


Keputusan kekal sehingga wi-

sel penamat sebelum pemenang terpaksa diputuskan menerusi penentuan penalti yang dimenangi Sapura, 4-2.

Ketika ditemui Yahya Atan berkata, Sapura menampilkan aksi terbaik walaupun anak buahnya tidak mengikut taktikal yang diterapkan sepanjang perlawanan sengit itu.

“Secara taktikal kita tidak bagus kerana banyak pemain pergi ke depan, namun saya rasa semua itu terjadi kerana tekanan dalam perlawanan hari ini (semalam).

“InsyaAllah kalau ada rezeki kemenangan akan menjadi milik kita kerana kita mempunyai keinginan yang tinggi. Apa pun kita perlu bijak pada aksi final Ahad ini (esok),” katanya selepas perlawanan.



[FOTO HASRIYASYAH SABUDIN/BH]

Pemain KLHC, Meor Muhammad Azuan Hassan (tiga kiri) cuba melepasi kepungan pemain Sapura pada perlawanan separuh akhir kedua Piala TNB di Stadium Pantai, Kuala Lumpur, malam tadi.